

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(IX)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB. GOOI ZI SEN**

13. Pembangunan Asrama Pekerja di Pulau Pinang.
- (a) Sila senaraikan maklumat projek pembangunan Asrama Pekerja yang telah mengemukakan permohonan, diluluskan dan yang telah bermula pembinaannya.
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri akan melarang pekerja khususnya pekerja asing menduduki rumah kediaman biasa apabila projek asrama ini siap sepenuhnya?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. (a) Berdasarkan rekod, terdapat lima (5) lokasi pembinaan asrama pekerja yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dengan jumlah keseluruhan unit yang bakal dibina berjumlah 2,390 unit. Senarai terperinci dan status pembinaan adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Pada masa ini, tidak ada dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk menghalang kilang-kilang menempatkan pekerja-pekerja warga asing yang mahir dan tidak mahir tinggal di rumah kediaman dan *apartment* di Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah meluluskan Garis Panduan Perancangan Pembinaan Asrama Pekerja Warga Asing Negeri Pulau Pinang 2015 bagi memastikan pemilik industri menyediakan kemudahan asrama kepada pekerja. Pelaksanaan Garis Panduan ini juga akan membantu pihak berkuasa untuk mengambil tindakan terhadap pemilik unit perumahan yang menyewakan kediaman kepada pekerja warga asing terutamanya perumahan bertingkat seperti Rumah Kos Rendah (LC) dan Rumah Kos Sederhana Rendah (LMC).

Kerajaan Negeri amat menggalakkan pembinaan asrama pekerja bagi mengatasi isu penyewaan unit rumah kepada pekerja warga asing yang akan menyebabkan pelbagai masalah sosial di kawasan perumahan. Garis Panduan ini juga disediakan dengan mengambil kira kejayaan pelaksanaan penyediaan asrama pekerja di Singapura.